

06 JUN 1996

RAZALEIGH: S46 MUNGKIN TIDAK MASUK UMNO

SINGAPURA, 6 Jun (Bernama) -- Parti Melayu Semangat 46 (S46) mungkin menjadi rakan campuran atau hanya menyokong dan bekerjasama tanpa perlu memasuki semula Umno, kata presiden parti Tengku Razaleigh Hamzah.

Dalam satu temubual dengan Berita Jam Lima Perbadanan Televisyen Singapura petang ini, beliau berkata anggota S46 merasa "khuatir untuk menyertai Umno".

"Anggota kami tidak mahu didiskrimasikan," katanya yang pertama kali mengumumkan kesediaannya untuk menyertai semula Umno sebulan lepas.

Katanya dia belum bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak sebulan lepas, tetapi mencadangkan supaya S46 menjadi "rakan campuran" parti kerajaan itu.

"Ataupun bagi S46 hanya memberi sokongan dan untuk bekerjasama tanpa perlu memasuki Umno," kata Tengku Razaleigh.

Katanya beliau telah memberitahu Dr Mahathir pada pertemuan mereka sebelum ini bahawa beliau "tidak mahu layanan istimewa" jika beliau memasuki semula Umno.

"Saya sentiasa sedia menemui Perdana Menteri pada bila-bila masa. Saya tidak mahu sebarang jawatan dalam kerajaan ataupun sebarang jawatan dalam parti (Umno)," katanya.

-- BERNAMA

THG AHH